

**Mereka yang berminat hanya perlu datang ke tasik pada Khamis ini antara pukul 10 pagi hingga 9 malam untuk mendaftar dan membayar yuran penyertaan RM40 untuk satu joran."**

**UNIVERSITI  
MALAYSIA  
PAHANG**

# Pertandingan memancing di Tasik UMP Sabtu ini

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGARI) 8 NOV 2016 mlc 29

**KUALA LUMPUR 7 Nov.** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) buat julung kalinya akan menganjurkan pertandingan memancing terbuka di Tasik UMP di Pekan, Pahang pada Sabtu ini sempena Ekspokonvo universiti itu tahun ini.

Menurut kenyataan UMP, pertandingan yang akan bermula dari 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari itu dijangka menarik penyertaan 500 orang.

"Mereka yang berminat hanya perlu datang ke tasik pada Khamis ini antara pukul 10 pagi hingga 9 malam untuk mendaftar dan membayar yuran penyertaan RM40 untuk satu joran. Sebanyak

300 penyertaan awal akan menerima baju-T," kata UMP dalam kenyataan di sini, hari ini.

Universiti itu dalam kenyataannya seterusnya menjelaskan, pemarkahan adalah berdasarkan kategori ikan paling berat dan pemenang pertama pertandingan memancing itu akan membawa pulang wang tunai RM6,000, tempat kedua (RM3,000) dan tempat ketiga (RM1,000) manakala tempat keempat hingga 10 bakal membawa pulang wang tunai RM200.

"Sebanyak 30 cabutan bertuah turut disediakan untuk peserta," kata kenyataan tersebut.

Katanya, selain pertandingan memancing, pelbagai aktiviti menarik turut diadakan termasuk *Fun Run* lima kilometer dan Pertandingan Foto Lensa Rencah sempena Ekspokonvo UMP dijadualkan berlangsung pada 18 hingga 21 Nòvember ini.

"Pengunjung juga berpeluang membawa pulang pelbagai hadiah menarik seperti barangan elektrik dan barangan eksklusif daripada Utusan dengan menyertai cabutan bertuah melalui pembelian produk terbitan Utusan dan aktiviti Ce-Celup sepanjang ekspokonvo itu," kata UMP.